

22 OCT 1999

Ghafar-guru

GURU YANG BERPOLITIK DALAM GELAP PERLU LETAK JAWATAN

PASIR PUTEH, 22 Okt (Bernama) -- Guru-guru yang hanya berani berpolitik dalam "gelap" dengan menggunakan pelajar untuk kepentingan parti yang mereka sokong perlu meletakkan jawatan, kata tokoh veteran Umno, Tun Ghafar Baba.

Beliau berkata peletakan jawatan itu bagi membolehkan guru terbabit bergiat secara aktif dan terbuka dalam politik tanpa memperalatkan pelajar sehingga menjejaskan pencapaian pendidikan.

"Saya berharap guru-guru hari ini, jangan hanya berani dalam gelap sahaja, sebaiknya letak jawatan dan masuk dalam perjuangan politik serta menguasai parlimen dan pinda apa yang mereka mahu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) kawasan Dewan Undangan Negeri Selising di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, supaya guru-guru yang menggunakan bilik darjah menyebarkan fitnah dan menghasut pelajar membenci kerajaan, agar tampil menyatakan pendirian mereka secara jelas dan tidak berselindung di sebalik profesion itu.

Tun Ghafar yang pernah menjadi guru di zaman penjajah berharap guru sekarang mengikut contoh beliau yang sanggup berhenti menjadi guru bagi membolehkannya berjuang dalam politik habis-habisan.

"Saya dulu pun seorang guru, tetapi saya sedar selagi British memerintah, nasib bangsa Melayu tidak akan dapat dibela, maka dengan itu saya sanggup berhenti dan berjuang dalam politik habis-habisan," katanya.

Ditanya mengenai kempen-kempen parti pembangkang khususnya PAS dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, Tun Ghafar yang juga bekas timbalan perdana menteri berkata kempen mereka "kosong" tanpa sebarang idea untuk ditonjolkan bagi memajukan rakyat dan negara.

Pembangkang hanya tahu menaikkan semangat rakyat supaya membenci kerajaan serta membangkitkan soal-soal yang boleh menggugat ketenteraman, katanya.

Sehubungan itu Tun Ghafar berkata persiapan terbaik bagi BN menghadapi pilihanraya umum ini ialah dengan "membasuh" semua dakyah bohong dan palsu parti pembangkang.

"Kita menyeru rakyat untuk mendapatkan kerajaan yang stabil kerana kestabilan itu dapat mempertahankan kedaulatan negara daripada serangan luar negara," katanya.

--BERNAMA

SM zb